

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN BANGUNAN SULTAN ISKANDAR
DI JOHOR BAHRU
1 DISEMBER 2008

MENGADAP DULI YANG MAHA MULIA
BAGINDA ALMUTAWAKKIL 'ALLALLAH SULTAN ISKANDAR IBNI ALMARHUM SULTAN
ISMAIL,
SULTAN DAN YANG DIPERTUAN BAGI NEGERI DAN JAJAHAN TAKLUK JOHOR DARUL
TA'ZIM;
DAN DULI YANG MAHA MULIA BAGINDA SULTANAH HAJAH ZANARIAH BINTI
ALMARHUM TUNKU AHMAD, SULTANAH JOHOR

DULI YANG AMAT MULIA TUNKU IBRAHIM ISMAIL IBNI SULTAN ISKANDAR AL-HAJ,
TUNKU MAHKOTA JOHOR;
DAN YANG AMAT MULIA RAJA ZARITH SOFIAH BINTI AL-MARHUM SULTAN IDRIS
SHAH

YANG AMAT MULIA TUNKU ABDUL MAJID IDRIS IBNI SULTAN ISKANDAR, TUNKU
BENDAHARA JOHOR;
DAN YANG MULIA TUNKU TEH MAZNI BINTI TUNKU YUSUF

YANG AMAT MULIA,
PADUKA PUTERI TUNKU BESAR ZABEDAH BINTI SULTAN ISKANDAR

AMPUN TUANKU BERIBU-RIBU AMPUN, SEMBAH PATIK MOHON DIAMPUN.

ADALAH PATIK DENGAN SEGALA HORMAT TA'ZIMNYA, MEMOHON AMPUN MERAFAK
SEMBAH MENJUNJUNG SETINGGI-TINGGI KASIH DI ATAS PERKENAN DULI YANG
MAHA MULIA BAGINDA TUANKU DAN DULI YANG MAHA MULIA BAGINDA TUANKU
SULTANAH MENCEMAR DULI BERANGKAT KE MAJLIS PERASMIAN BANGUNAN
SULTAN ISKANDAR PADA HARI INI.

SESUNGGUHNYA, PERKENAN BAGINDA TUANKU BERDUA HADIR MENCEMAR DULI
AMAT BESAR ERTINYA KEPADA KERAJAAN DAN SELURUH RAKYAT JELATA.
SOKONGAN TIDAK BERBELAH BAHAGI TUANKU KE ATAS USAHA-USAHA
PEMBANGUNAN YANG DIJALANKAN DI NEGERI JOHOR INI SEMEMANGNYA
MERUPAKAN KESINAMBUNGAN KEPADA USAHA-USAHA AYAHANDA DAN NENDA
TUANKU, KESULTANAN NEGERI JOHOR YANG GEMILANG, YANG TERKENAL DENGAN
KEPRIHATINANNYA TERHADAP PEMBANGUNAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT
NEGERI JOHOR.

SESUNGGUHNYA, RAKYAT NEGERI JOHOR KHASNYA DAN RAKYAT MALAYSIA AMNYA
TIDAK AKAN PERNAH MELUPAKAN JASA NENDA TUANKU TERUTAMANYA, ALMARHUM
SIR SULTAN ABU BAKAR, BAPA JOHOR MODEN, DALAM MEMPELOPORI PENDEKATAN
PENTADBIRAN SERTA PEMBANGUNAN MODEN DI NEGARA INI.

PATIK MENDOAKAN AGAR TUANKU BERDUA SENTIASA BERADA DALAM KEAFIATAN,
BERSEMAYAM DI TAKHTA KERAJAAN DENGAN SEGALA KEBESARAN DAN
KEDAULATAN AGAR DAPAT TERUS BERPERANAN SEBAGAI LAMBANG KEUTUHAN

NEGERI – SEBAGAI PAYUNG NEGERI, TEMPAT RAKYAT MENUMPANG BERTEDUH DI BAWAH NAUNGAN TUANKU. SEMOGA NEGERI JOHOR INI DAN RAKYATNYA YANG BERADA DI BAWAH PAYUNG NAUNGAN TUANKU, AKAN DIKURNIA DAN DILIMPAHKAN OLEH ALLAH S.W.T. SEGALA KERAHMATAN, KEBERKATAN DAN KESEJAHTERAAN JUA HENDAKNYA.

AMPUN TUANKU, PATIK MEMOHON IZIN DAN LIMPAH PERKENAN TUANKU UNTUK PATIK MEMBERI SEPATAH DUA KATA KEPADA PARA HADIRIN. AMPUN TUANKU.

YAB DATO' ABDUL GHANI OTHMAN
MENTERI BESAR JOHOR DAN YANG AMAT BERBAHAGIA DATIN

YB MENTERI-MENTERI KABINET

YB AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN JOHOR

AHLI-AHLI JUMAAH MAJLIS DIRAJA JOHOR

AHLI-AHLI YANG BERHORMAT

DIF-DIF KEHORMAT

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN.

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH, SELAMAT PETANG DAN SALAM SEJAHTERA

1. TERLEBIH DAHULU, SAYA MEMANJATKAN RASA SYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBHANAHUWATAALA KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA DAN IZIN-NYA DAPAT KITA BERSAMA-SAMA BERTEMU DI MAJLIS YANG MULIA PADA PETANG INI.

2. SESUNGGUHNYA, SEJARAH TELAH SEKIAN LAMA MELAKARKAN BAHAWA JOHOR SEMEMANGNYA SEBUAH NEGERI YANG UNIK DAN KUKUH. SEMENJAK ZAMAN ALMARHUM SIR SULTAN ABU BAKAR IAITU NENDA SULTAN ISKANDAR LAGI, TATKALA NEGERI LAIN MASIH LAGI CUBA MELANGKAH KELUAR DARI KEMISKINAN DEK BELENGGU PENJAJAH, JOHOR TELAH MULA MENYUSUN STRATEGI DAN BERBICARA TENTANG PEMBANGUNAN DAN PEMODENAN.

3. DENGAN LAKARAN SEJARAH YANG SEBEGINI KUKUH DAN UNIK, TIDAK HAIRANLAH RAKYAT JOHOR JUGA DARI DULU SEHINGGA KINI, ADALAH RAKYAT YANG BEGITU MANTAP. MANTAP DALAM ERTI KATA YANG MENYELURUH: YAKIN DIRI, BERPANDANGAN JAUH, TINGGI ILMUNYA BAIK ILMU DUNIAWI MAHUPUN UKHRAWI, DAN PADA MASA YANG SAMA KEKAL DAN BANGGA DENGAN BUDAYA DAN ASAL-USULNYA.

4. HARI INI, NEGERI JOHOR JUGA AMAT BERTUAH KERANA SULTAN YANG BERTAKHTA MEMERINTAH ADALAH WARIS SULTAN ABU BAKAR SENDIRI IAITU CUCUNDANYA, TUANKU SULTAN ISKANDAR, YANG MEWARISI SEGALA KEKUATAN, KEBIJAKSANAAN DAN DINAMISME NENDA BAGINDA.

5. BERBEKALKAN ASAS YANG KUKUH INI, JOHOR MASIH LAGI MEGAH BERDIRI SEBAGAI SALAH SEBUAH NEGERI YANG TERMAJU DI MALAYSIA HARI INI. JOHOR AMAT BERTUAH KERANA MEMPUNYAI SEGALA ELEMEN UNTUK MEMBANGUN SEBAGAI SEBUAH KAWASAN EKONOMI YANG DINAMIK. BAIK DARI SEGI KEDUDUKAN GEOGRAFINYA SEBAGAI NEGERI GERBANG SELATAN SEMENANJUNG TANAHAIR; BAIK DARI SEGI INFRASTRUKTUR DAN PRASARANA YANG TERSEDIA; BAIK DARI SEGI TANAH YANG BUKAN SAHAJA LUAS TETAPI STRATEGIK UNTUK DIBANGUNKAN; BAIK DARI SEGI RAKYAT YANG BUKAN SAHAJA AGAK BESAR JUMLAHNYA TETAPI JUGA AMAT MEMENTINGKAN PENDIDIKAN; DAN BAIK DARI SEGI KERAJAAN NEGERI YANG DINAMIK DAN PROGRESIF.

PARA HADIRIN SEKALIAN,

6. SESUNGGUHNYA, HARI INI JUGA MERUPAKAN SATU LAGI HARI YANG BERSEJARAH BAGI KITA. HARI INI KITA AKAN BERSAMA-SAMA MENJADI SAKSI KEPADA PERASMIAN BANGUNAN SULTAN ISKANDAR INI YANG AKAN MENJADI PINTU GERBANG NEGARA DAN MERCU TANDA TERKEMUKA DI RANTAU ASIA BAHKAN SELURUH DUNIA.

7. BANGUNAN INI BUKAN SEKADAR SATU USAHA PEMBANGUNAN TETAPI JUGA ADALAH SATU SIMBOL PENTING YANG MELAMBANGKAN KEMAJUAN SERTA POTENSI WILAYAH INI. IA MERUPAKAN PINTU MASUK YANG MODEN, CEKAP DAN INDAH, YANG AKAN MEMBERIKAN SATU GAMBARAN KEPADA SETIAP PENGUNJUNG DAN PELABUR DARI LUAR AKAN KEMODENAN, KECEKAPAN DAN KEINDAHAN WILAYAH PEMBANGUNAN ISKANDAR, NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM DAN PASTINYA JUGA, NEGARA KITA MALAYSIA.

8. SIMBOL LUARAN INI PERLU DIIRINGI DENGAN KECEMERLANGAN PERISIAN. BAGI MEMENUHI SEGALA KEPERLUAN SEMPADAN, BANGUNAN INI DIHUNI OLEH 21 AGENSI YANG TERDIRI DARIPADA PELBAGAI JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, KERAJAAN NEGERI, BADAN BERKANUN DAN JUGA AGENSI SWASTA. JABATAN IMIGRESEN BERTINDAK SEBAGAI KETUA AGENSI DI BANGUNAN INI YANG BERTANGGUNGJAWAB MENYELARAS OPERASI SERTA PENGURUSAN BANGUNAN. NAMUN, SETIAP DARI AGENSI YANG ADA MEMPUNYAI PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB MASING-MASING YANG AMAT PENTING DAN PERLU DILAKSANAKAN DENGAN PENUH DEDIKASI.

9. SAYA DIFAHAMKAN BAHAWA KEMUDAHAN DI DALAM BANGUNAN SULTAN ISKANDAR INI TELAH DIREKABENTUK BAGI MEMENUHI KESELESAAN PENGGUNA. PELBAGAI BAHAGIAN DI BANGUNAN INI DIATUR MENGIKUT FUNGSI, SEPERTI PEMERIKSAAN JENIS-JENIS KENDERAAN YANG BERLAINAN UNTUK MEMUDAHKAN URUSAN PELANGGAN DAN BAGI MEMPERCEPATKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG BERKAITAN. KEMUDAHAN-KEMUDAHAN KAUNTER JUGA TELAH DINAIKTARAF DI MANA SISTEM YANG DIGUNAKAN LEBIH TERATUR DAN MESRA PENGGUNA.

10. DALAM PADA ITU, FAKTOR SUMBER MANUSIA ATAU 'HUMAN FACTOR' TETAP PENTING. SETIAP AGENSI YANG TERLIBAT PERLU MENYAMPAIKAN PERKHIDMATAN YANG TERBAIK DAN CEMERLANG. SESUNGGUHNYA, SETIAP DARI SAUDARA-SAUDARI YANG BERKHIDMAT ADALAH 'DUTA' MALAYSIA KEPADA DUNIA LUAR. BERSAMA, KITA HARUS BUKTIKAN, MALAH SERLAHKAN STATUS MALAYSIA SEBAGAI ANTARA NEGARA YANG BUKAN SAHAJA MAJU TETAPI JUGA DENGAN RAKYAT YANG RAMAH DAN BERBUDI BAHASA SERTA TINGGI ADAB NILAINYA.

11. DIANGGARKAN BAHAWA BILANGAN PENGUNJUNG MELALUI BANGUNAN SULTAN ISKANDAR INI NANTI AKAN MENCECAH SEMBILAN JUTA ORANG SETAHUN.. BANGUNAN INI BERFUNGSI 24 JAM SEHARI, 7 HARI SEMINGGU. SELAIN KECEKAPAN, ASPEK KESELAMATAN JUGA ADALAH SANGAT PENTING. OLEH ITU, BANGUNAN INI TELAH DIWARTAKAN SEBAGAI SASARAN PENTING 1 NEGARA. POLIS DIRAJA MALAYSIA HARUS MEMASTIKAN BAHAWA KAWALAN KESELAMATAN YANG RAPI SENTIASA DIBERIKAN DI BANGUNAN INI DEMI KESELAMATAN DAN KESEJAHTERAAN PARA PENGGUNA DAN NEGARA KITA SECARA AMNYA.

12. ADALAH MENJADI HARAPAN SAYA AGAR BANGUNAN INI AKAN BEROPERASI DENGAN LANCAR TERUTAMA DALAM MELAKSANAKAN PERANANNYA SEBAGAI GERBANG ANTARABANGSA YANG PASTINYA AKAN MEMBANTU DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI NEGARA KITA. SAYA JUGA MENYERU SEMUA PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN YANG BERKHIDMAT DI SINI AGAR MENJAGA BANGUNAN INI DENGAN CEKAP DAN PENUH INTEGRITI. KITA HARUS MENERAPKAN SIKAP MINDA KELAS PERTAMA SELARAS DENGAN INFRASTRUKTUR KELAS PERTAMA YANG KITA DUDUKI INI.

13. AKHIR KATA, SAYA MERAKAMKAN UCAPAN SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA SEMUA YANG TERLIBAT DALAM MENJAYAKAN PROJEK INI. MARILAH KITA TERUS BERSATU DAN BERGANDING BAHU DALAM MEMBERIKAN PERKHIDMATAN YANG TERBAIK DEMI MASA DEPAN NEGARA DAN MASA DEPAN KITA BERSAMA.

14. AMPUN TUANKU, SEKIANLAH SAHAJA UCAPAN PATIK. BAGI MENGAKHIRI UCAPAN PATIK INI DI MAJLIS PELANCARAN INI, PATIK BAGI PIHAK KERAJAAN PERSEKUTUAN SEKALI LAGI MERAFAK SEMBAH MENJUNJUNG SETINGGI-TINGGI KASIH ATAS PERKENAN DULI YANG MAHA MULIA BAGINDA TUANKU MEMASYHORKAN PELANCARAN BANGUNAN SULTAN ISKANDAR INI.

AMPUN TUANKU.

SEKIAN, WABILLAH TAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.